

No. Rujukan : KUIPs/PEND./100.25/2015 (09)
Tarikh : 23 Jun 2015

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 9/2015

Pendaftar
Bendahari
Pemangku Ketua Pustakawan
Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Kolej Kediaman
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS

Assalamualaikum wbt,

Y.Bhg. Dr./Tuan/Puan,

PENUBUHAN SEKSYEN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN FASILITI

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kolej Universiti Islam Perlis Bil. 4/2015 berhubung penubuhan Seksyen Pembangunan dan Penyelenggaraan Fasiliti mulai 19 Jun 2015.

Latarbelakang

- 2.1 Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pendaftar sedang dalam fasa memperkasa dan memantapkan tadbir urus jabatan dan sub seksyen yang wujud dibawah jabatan ini.
- 2.2 Penyaksikan kepada pertambahan beban tugas sedia dan kapasiti sumber manusia yang terhad di jabatan ini. Justeru itu, dengan penubuhan seksyen ini akan bertanggungjawab sepenuh bagi kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan melibatkan keseluruhan fasiliti di premis Kolej Universiti.
- 2.3 Seksyen Pembangunan dan Penyelenggaraan Fasiliti ini akan diketuai oleh Pengarah (menjalankan tugas) oleh **En. Ahmad Fauzi Abdul Jalil** dan dibantu oleh seorang Juruteknik iaitu **En. Muzairi bin Mohamad**.
- 2.4 Seksyen ini akan diletakkan di bawah Pentadbiran Pejabat Pendaftar dan bertanggungjawab secara langsung kepada Pendaftar.
- 2.5 Antara fungsi penting Seksyen Pembangunan dan Penyelenggaraan Fasiliti ini adalah seperti berikut:
 - 2.5.1 Bertanggungjawab mengurus dan menyelenggara kemudahan dan fasiliti yang terdapat di premis Kolej Universiti;



No. Rujukan : KUIPs/PEND./100.25/2015 (09)

Tarikh : 23 Jun 2015

- 2.5.2 Melakukan perancangan kerja-kerja pembangunan di Kolej Universiti Islam Perlis;
- 2.5.3 Melakukan kerja-kerja penyelenggaraan supaya sistem yang sedia ada dapat berfungsi dengan baik;
- 2.5.4 Menerima aduan kerosakan serta membuat tindakan susulan.
- 2.5.5 Membantu dari segi teknikal dan bukan teknikal dalam menjayakan program di peringkat Kolej Universiti;
- 2.5.6 Membuat pemantauan ke atas semua kemudahan pembangunan, fasiliti dan memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor dilantik;

Pelaksanaan

- 5. Semua Ketua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab hendaklah memaklumkan kepada semua pegawai di bawah penyeliaan mereka tentang kewujudan perkhidmatan seksyen ini dan merujuk hal berkaitan kepada seksyen berkenaan.

Tarikh Kuatkuasa

- 7. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai 19 Jun 2015.

Sekian, terima kasih.

"SYUMUL, TAQWA DAN DINAMIK"

Yang menurut perintah,


(ROHANA BINTI ZAINOL)
Penolong Pendaftar Kanan
b.p Pendaftar
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia
Kolej Universiti Islam Perlis

Salinan : Y.Bhg. Rektor
Bendahari
Pengarah Akademik, Jabatan Pengurusan Akademik
Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Ketua-ketua Jabatan